

# Noah's Attitude toward His Son in Judaism and Islam: A Comparative Analysis between Old Testament and the Qur'ān

Nazmi Qayyum bin Hamdan\*

nazmiqayyum@gmail.com

Mohd Nizam bin Sahad\*\*

nizamsahad@usm.my

Suhaila binti Abdullah\*\*\*

aila@usm.my

DOI: <http://doi.org/10.56389/tafhim.vol17no2.7>

## Abstract

The Torah or Pentateuch is one of the holy books believed by Jews and Muslims. However, Muslims believe that the Torah has been changed by its own followers, the Jews. There are many similarities between the stories found in the Tanakh (Old Testament) with Muslim accounts, namely the Qur'ān and Hadīth, which include the story of Noah. The descriptions of Noah's attitude towards his son portrayed in the Old Testament and the Qur'ān respectively exhibit significant differences. Therefore, this article compares Noah's attitude towards his son according to Judaism and Islamic perspectives. Through a comparative method, this study refers to the Old Testament (*Book of Genesis*) and the Qur'ān (*Sūrat Hūd*). Data were collected from Jewish scholars' interpretations of the Torah as well as from the interpretations of the Qur'ān as representatives of Judaism and Islam respectively. The data are then compared to highlight the differences in Noah's attitude towards his son between the holy scriptures of the two religions. In general, the Torah describes him both positively and negatively. His negative attitude raised some doubts which remain unresolved. On the other hand, in the Islamic account, Noah is depicted as being entirely virtuous and did not exhibit any vices towards his son.

## Keywords:

Noah, son, Old Testament, Qur'ān.

## Article history:

Submission date: 8/5/2023

Received in revised form: 6/11/2023

Acceptance date: 6/11/2023

Available online: 20/12/2024

## Funding:

This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

## Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interest exists.

## Cite as:

Nazmi Qayyum Hamdan, Mohd Nizam Sahad, and Suhaila Abdullah, "Noah's Attitude toward His Son in Judaism and Islam: A Comparative Analysis between Old Testament and the Qur'ān," *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 17, no. 2 (December 2024): 157–174.

\* The author holds a Master's degree in Usuluddin from Universiti Sains Malaysia and is currently pursuing a doctoral degree in Islamic Studies at the same institution. He serves as the primary and corresponding author of this article.

\*\* A senior lecturer in Islamic Studies within the School of Humanities at Universiti Sains Malaysia. He supervised the development of this article.

\*\*\* A senior lecturer from the Department of Philosophy and Civilisation, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia. She contributed to this article in her capacity as editor.

# Sikap Nuh Terhadap Anaknya dalam Tradisi Yahudi dan Islam: Analisis Perbandingan antara Wasiat Lama dan al-Qur'an

Nazmi Qayyum bin Hamdan\*  
nazmiqayyum@gmail.com

Mohd Nizam bin Sahad\*\*  
nizamsahad@usm.my

Suhaila binti Abdullah\*\*\*  
aila@usm.my

DOI: <http://doi.org/10.56389/tafhim.vol17no2.7>

## Abstrak

Tawrat atau Pentateuch merupakan salah satu kitab suci yang dipercayai oleh orang Yahudi dan Islam. Namun, umat Islam percaya bahawa kitab Tawrat telah diselewengkan oleh orang-orang Yahudi sendiri. Terdapat banyak persamaan antara kisah-kisah yang terkandung dalam Tanakh (Perjanjian Lama) dengan sumber sejarah umat Islam, iaitu al-Qur'an dan Hadith, termasuklah kisah Nuh. Sikap Nuh terhadap anak lelakinya, seperti yang dinukilkan dalam Perjanjian Lama dan al-Qur'an mempamerkan beberapa perbezaan penting. Justeru, makalah ini membuat perbandingan antara perspektif Judaisme dan Islam berhubung sikap Nuh terhadap anaknya. Dengan menggunakan kaedah perbandingan, kajian ini merujuk Perjanjian lama (*Book of Genesis*) dan al-Qur'an (*Surat Hud*). Data dikumpulkan daripada tafsiran-tafsiran sarjana Yahudi terhadap Tawrat, dan daripada tafsiran-tafsiran sarjana al-Qur'an, masing-masing sebagai wakil agama Judaisme dan Islam. Data-data tersebut kemudiannya dibandingkan untuk mengetengahkan perbezaan-perbezaan besar berhubung sikap Nuh terhadap anaknya dalam dua kitab suci tersebut. Secara amnya, kitab Tawrat memerihalkan topik ini secara positif dan negatif. Sikap negatifnya membangkitkan beberapa keraguan yang kekal tidak terungka. Sebaliknya, berdasarkan nukilan sumber Islam, Nuh dipamerkan sebagai sosok yang berakhlak mulia dan tidak mempamerkan sebarang sikap terkutuk terhadap anaknya.

## Kata kunci:

Nuh, anak, Perjanjian Lama, Qur'an.

## Rekod artikel:

Tarikh hantaran: 8/5/2023

Serahan penambahbaikan: 6/11/2023

Tarikh terima: 6/11/2023

Tersedia di atas talian: 20/12/2024

## Pendanaan:

Kajian ini tidak menerima sebarang dana daripada sebarang badan dana sama ada daripada sektor awam, komersial, atau pertubuhan tidak beruntung.

## Konflik kepentingan:

Penulis telah memaklumkan bahawa tidak terdapat sebarang konflik kepentingan dengan mana-mana pihak.

## Sitasi:

Nazmi Qayyum bin Hamdan, Mohd Nizam bin Sahad, dan Suhaila bin Abdullah, "Sikap Nuh Terhadap Anaknya dalam Tradisi Yahudi dan Islam: Analisis Perbandingan antara Wasiat Lama dan al-Qur'an," *TAFHIM: IKM Journal of Islam and the Contemporary World* 17, no. 2 (December 2024): 157–174.

\* Memiliki Sarjana Usuluddin daripada Universiti Sains Malaysia. Kini merupakan calon Doktor Falsafah Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang. Beliau ialah penulis utama makalah ini.

\*\* Pensyarah Kanan, Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang. Berperanan sebagai penyelia dalam penulisan makalah ini.

\*\*\* Pensyarah Kanan, Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang. Berperanan sebagai penyunting makalah.

## Pendahuluan

Menurut sebahagian ahli bahasa Arab, lafaz نوح (*nūḥ*) ialah *maṣdar* daripada akar kata نَح (*nāḥa*) yang bermaksud berteriak dengan nada yang tinggi.<sup>1</sup> Nama Nuh dalam bahasa Ibrani pula ialah נֹח (*no‘akh*), yang secara zahirnya sepatutnya disebut “nokha” tetapi sebutannya sedikit berbeza dengan ejaannya.<sup>2</sup> Nama tersebut berkait rapat dengan lafaz *nihām* yang bermaksud “meringankan” atau “to comfort.”<sup>3</sup> Hal ini berdasarkan keterangan Bible sendiri:<sup>4</sup>

וַיִּקְרָא אֶת־שְׁמוֹ נֹחַ לְאִמְרָר זֶה יִנְחֵנוּ מִכָּעַשׂוֹנוֹ  
וּמִעַצְבוֹ בְּיַד יְיָ יִנוּחַ מִן־הָאֲדָמָה אֲשֶׁר אָרְרָהּ הַזֶּה:

Dan dia (Lamekh) berkata, “Anak ini akan memberikan kita keringanan semasa kita bekerja keras untuk mengusahakan tanah yang dikutuk oleh Tuhan.” Maka Lamekh menamakan anak itu sebagai No‘akh.

Dalam ayat tersebut, Lamekh yang merupakan bapa kepada Nuh menamakan anaknya sebagai No‘akh dengan harapan dia akan memberikan kesenangan dan keringanan terhadap mereka. Nama “Nuh” telah dikenali oleh orang Arab sebelum Nabi Muḥammad diutuskan lagi, kemungkinan sebutannya ialah pengaruh bahasa Aramia (*Aramaic*).<sup>5</sup> Dari segi sifat Nabi Nuh secara umum, al-Qur’ān menyebutkan baginda sebagai seorang hamba yang bersyukur,<sup>6</sup> manakala Bible menyebutnya sebagai orang yang paling soleh dan memiliki jiwa yang teguh semasa zamannya.<sup>7</sup>

Menurut Bible, Nuh memiliki tiga orang anak iaitu Sam, Ham, dan Yafith. Anak yang paling muda ialah Yafith. Manakala al-Qur’ān dan Ḥadīth sahih tidak menyebutkan bilangan anak Nabi Nuh atau nama mereka secara terperinci atau jelas. Terdapat sebuah ḥadīth daif yang menyatakan nama-nama anak Nabi Nuh. Diriwayatkan daripada Samrah bahawa Rasulullah bersabda: “Sām merupakan bapa kepada (bangsa) Arab, Ḥām bapa kepada

1. Al-Rāghib al-Iṣfahānī, *al-Mufradāt fī Ḥarīb Alfāz al-Qur’ān* (Beirut: Dār al-Qalam, 1991), 827.
2. Jeff A. Benner, *Learn to Read Biblical Hebrew* (College Station: Virtualbookworm.com Publishing Inc, 2007), 34.
3. Michael E. Stone, “Noah,” dalam *Encyclopaedia Judaica*, disunting oleh Fred Skolnik, jil.15 (Jerusalem: Keter Publishing House Ltd., 2007), 287–290.
4. *Genesis* (5):29.
5. Arthur Jeffery, “The Foreign Vocabulary of the Qur’an,” dalam *Texts and Studies on the Qur’an*, disunting oleh Gerhard Böwering dan Jane Dammen McAuliffe (Leiden: Brill, 2007), 282.
6. *Sūrat al-Isrā’* (17):3.
7. *Genesis* (6):9.

Habshah, manakala Yāfith ialah bapa Rom.<sup>8</sup> Riwayat daripada *Musnad Ahmad* ini dinilai tidak sahih. Menurut al-Arnaut, rangkaian perawinya terputus kerana salah seorang perawinya, yakni al-Ḥasan al-Baṣrī, yang dikatakan telah meriwayatkannya daripada Samrah sedangkan beliau tidak pernah mendengar ḥadīth dari Samrah secara langsung.<sup>9</sup> Hakikatnya, langsung tidak ada ḥadīth sahih yang diriwayatkan berkenaan nama-nama anak Nabi Nuh. Saʿīd bin al-Musayyib berkata:

Anak Nuh ada tiga iaitu Sām, Ḥām dan Yāfith, dan setiap satunya melahirkan tiga bangsa. Sām melahirkan bangsa Arab, Parsi, Rom dan mereka semua ini baik belaka. Yāfith melahirkan bangsa Turki, Saqalibah, Yaʿjūj dan Maʿjūj, dan mereka semua ini tidak baik. Ḥām pula melahirkan bangsa Qibti, Sudan, dan Barbar.<sup>10</sup>

Riwayat yang hampir serupa diucapkan oleh Wahb bin Munabbih, tetapi kedua-dua sanad riwayat ini daif.<sup>11</sup> Pendapat ini menjadi sumber rujukan sejarawan Islam seperti al-Ṭabarī dan Ibn Kathīr dalam kitab mereka. Namun begitu, fakta ini tidak dapat disahkan secara pasti dan perkara ini termasuk dalam hal yang menuntut *tawaqquf* (tidak membenarkan atau mendustakan) kerana tidak ada ḥadīth *marfūʿ* yang sahih berkenaan perkara ini. Kemungkinan besar riwayat ini hanyalah cedokan daripada Ahli Kitab. Sebagaimana yang diketahui, Wahb bin Munabbih banyak meriwayatkan hikayat daripada Ahli Kitab.

Buku berkenaan para nabi dalam al-Qurʾān yang sering dirujuk oleh para Orientalis ialah *Prophets in the Quran: An Introduction to the Qurʾān and Muslim Exegesis* karya Brannon M. Wheeler.<sup>12</sup> Buku ini menjelaskan kisah para nabi dalam al-Qurʾān serta tafsiran ahli tafsir al-Qurʾān berhubung kisah-kisah tersebut. Namun, tidak ada perbandingan yang dibuat melainkan sedikit, apatah lagi perbandingan tentang sikap Nabi Nuh antara Bible dengan al-Qurʾān. Selain karya di atas, *Biblical Prophets in the Qurʾān and Muslim Literature* oleh Roberto Tottoli pula mengisahkan secara ringkas para nabi yang terdapat dalam al-Qurʾān.<sup>13</sup> Namun begitu, pengisahannya amat ringkas dengan hanya memetik sepotong dua ayat al-Qurʾān dan keterangannya. Huraian bagi setiap nabi tidak lebih daripada empat halaman. Karya tersebut juga tidak membandingkan secara terperinci apa yang terdapat dalam Bible dengan al-

8. Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad Ahmad*, jil. 33 (Beirut: Muʾassasat al-Risālah, 2001), hlm. 292, no. 20099.

9. Ibid.

10. Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Tārīkh al-Rusul wa al-Muluk*, jil.1 (Beirut: Dār al-Turāth, 1967), 210.

11. Muḥammad bin Fāhir al-Barzanjī, *Ṣaḥīḥ wa Daʿīf Tārīkh al-Ṭabarī*, jild. 6 (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 2007) 139 dan 146.

12. Brannon M. Wheeler, *Prophets in the Quran: An Introduction to the Quran and Muslim Exegesis* (London, New York: Continuum, 2002).

13. R. Tottoli, *Biblical Prophets in the Qurʾān and Muslim Literature* (New York: Routledge, 2002).

Qur'an, bahkan tidak melibatkan sebarang rujukan daripada Hadith. Tulisan yang mirip dengan karya Roberto Tottoli ini ialah karya oleh John Kaltner dan Younus Mirza yang berjudul *The Bible and the Qur'an: Biblical Figures in the Islamic Tradition*.<sup>14</sup> Buku ini bukan saja menyentuh perihal para nabi yang disebut dalam al-Qur'an dan Bible, bahkan juga perihal Haman, Iblis, malaikat, ibu Nabi Musa dan sebagainya. Namun begitu, pernyataan buku tersebut ringkas dan perbandingan yang dibuat tidak terperinci—lebih-lebih lagi berkenaan sikap Nuh terhadap anaknya.

ʿAyid al-Dawsari dalam artikelnya *Taqdīm Lūt Ibnatayh li Qawmih fi al-Tawrah wa al-Qurʿān: Dirāsah Muqāranah (Tawaran Lūt akan Dua Anaknya kepada Kaumnya Menurut Tawrat dan al-Qurʿān: Sebuah Kajian Perbandingan)* membahaskan sikap Nabi Lūt yang menawarkan dua orang anak perempuannya kepada kaum baginda ketika mana malaikat menziarahi baginda sebagai tetamu.<sup>15</sup> Perbahasan beliau dilaksanakan berdasarkan riwayat dalam al-Qur'an dan Wasiat Lama. Walaupun kisah ini terdapat dalam kedua-dua kitab, tafsiran oleh kedua-dua sarjana al-Qur'an dan Wasiat Lama adalah berbeza, disebabkan oleh konteks yang berlainan yang digambarkan dalam kedua-dua kitab tersebut. Kajian mendapati bahawa gambaran watak Nabi Lūt dalam Wasiat Lama serta tafsiran sarjana mereka bercampur-aduk antara paparan negatif dan positif, manakala al-Qur'an pula tidak sedemikian. Atas pertimbangan yang serupa, objektif utama kajian ini adalah membandingkan kisah dalam Wasiat Lama dengan al-Qur'an berkenaan sikap Nuh terhadap anaknya.

## Metodologi

Kaedah utama dalam kajian perbandingan ini ialah analisis tekstual. Kaedah ini merupakan sebuah kaedah untuk mengetahui pemahaman sesebuah komuniti terhadap sesuatu perkara.<sup>16</sup> Komuniti utama yang menggunakan Wasiat Lama sebagai kitab suci ialah Yahudi. Ayat-ayat dalam Bible tidak akan diambil secara zahir sahaja, akan tetapi dirujuk kepada pandangan para sarjana Yahudi untuk memahami teks tersebut. Tafsiran-tafsiran daripada para sarjana Yahudi akan dikumpulkan dan disaring secara menyeluruh. Kebanyakannya dirujuk melalui laman sesawang *sefaria.org* yang menghimpunkan pelbagai edisi kitab agama Yahudi. Sefaria merupakan sebuah organisasi swasta yang dibiayai oleh William Davidson dengan kerjasama penerbitnya iaitu Koren Publishers Jerusalem dan Milta. Terdapat sebanyak 15 orang jurutera komputer

---

14. J. Kaltner and Y. Mirza, *The Bible and the Quran: Biblical Figures in the Islamic Tradition* (Bloomsbury: New York, 2018).

15. ʿAyid al-Dawsari, "Taqdīm Lūt Ibnatayhi li Qawmihi fi al-Tawrah wa al-Qurʿān: Dirāsah Muqāranah," *Journal of Qurʿanic Studies* 19, no. 1 (2017): 210–160.

16. Hazri Jamil dan Mohammad Zohir Ahmad@Shaari, *Qualitative Research Methodology* (Pulau Pinang: Institute of Postgraduate Studies Universiti Sains Malaysia, 2015), 25–26.

dan ramai penterjemah yang terlibat dalam memajukan laman sesawang ini.<sup>17</sup> Kitab-kitab rujukan daripada *Sefaria*, seperti Talmud, akan diringkaskan dengan hanya menukilkan nama-nama kitab, sarjananya, atau penomborannya. Hal ini bertujuan memudahkan lagi penulisan. Tafsiran ayat-ayat al-Qurʾān pula diambil daripada tafsiran-tafsiran para ulama Islam yang muktabar.

Bukan semua kisah Nuh yang terdapat dalam Wasiat Lama dan al-Qurʾān memiliki latar belakang suasana yang sama. Sebagai contoh, kisah dialog antara Nabi Nuh dengan anaknya yang enggan menaiki bahtera terdapat dalam al-Qurʾān, namun tidak terakam dalam Wasiat Lama. Menurut Wasiat Lama, isteri Nuh, anak-anaknya, dan isteri-isteri mereka semuanya menaiki bahtera dan terselamat daripada banjir.<sup>18</sup> Oleh itu, bagi kajian ini, perbandingan hanya dikhususkan kepada kisah yang terdapat dalam *Book of Genesis* dan *Sūrat Hūd*. Hal ini demikian kerana, selain kedua-dua kitab ini diiktiraf oleh agama masing-masing, kisah ini boleh didapati dalam kedua-dua kitab suci tersebut.

### Penerangan Ringkas Kitab Suci Yahudi

*Tanakh* ialah sebuah istilah yang digunakan oleh kaum Yahudi dan dalam Holy Bible dikenali sebagai Wasiat Lama (*Old Testament*). *Tanakh* merupakan hasil gabungan tiga perkataan iaitu *Torah* (Tawrat/*Pentateuch*), *Nevi'im* (nabi-nabi), dan *Ketuvim* (hagiografi). Tawrat atau *Torah* berasal daripada kata dasar **אָרָה** yang bermaksud “ajar.”<sup>19</sup> Maksud istilah ini ialah “ajaran,” “doktrin,” atau “arahan.” Sebahagian orang awam memahaminya dengan makna “undang-undang” dan sebenarnya makna sebegini memberikan tanggapan yang salah.<sup>20</sup> Perkataan tersebut dapat digunakan dalam pelbagai konteks, tetapi maksud “ajaran” merupakan makna asal yang umum untuk semua.<sup>21</sup> Dalam bahasa Inggeris, Tawrat dikenali sebagai *Pentateuch*. Kalimah ini berasal daripada bahasa Yunani, iaitu *pentateuchos*, yang bermaksud “lima kitab” atau dikenali juga sebagai *Book of Moses*.<sup>22</sup> Tawrat di sisi agama Yahudi merujuk kepada lima kitab pertama dalam Bible iaitu: *Genesis*, *Exodus*, *Leviticus*, *Numbers*, dan *Deuteronomy*.

Pada asalnya, Nabi Mūsā dipercayai sebagai pengarang Tawrat. Namun begitu, kitab Tawrat telah dihapuskan oleh tentera Babylon yang dipimpin oleh Nebuchadnezzar II. Sekitar kurun ke-3 Masihi, Ezra pula dianggap

---

17. Michele Chabin, “Nonprofit Offers Talmud in English Online for Free,” *The Christian Century*, diakses pada 1 Januari, 2021, <https://www.christiancentury.org/article/nonprofit-offers-talmud-english-online-free>.

18. *Genesis* (7): 7.

19. *Leviticus* (10):11.

20. Lihat “Torah,” dalam *Encyclopaedia Judaica*, jil. 20, 39.

21. *Ibid*.

22. E. Carpenter, “Pentateuch,” dalam *The International Standard Bible Encyclopedia*, disunting oleh Geoffrey W. Bromiley (Grand Rapids, Michigan: W.B. Eerdmans, 1986), 740–53.

sebagai penulis Tawrat,<sup>23</sup> selepas peristiwa pembakaran kitab Tawrat, Ezra menuliskannya semula secara ajaib.<sup>24</sup> Apa yang pasti, sarjana Bible mengatakan bahawa Tawrat merupakan hasil gabungan pelbagai sumber penulisan yang telah lama wujud, sama ada pengarangnya ialah Mūsā atau sebaliknya.<sup>25</sup> Apa pun, persoalan siapakah pengarang sebenar Tawrat yang wujud pada hari ini akan kekal tidak terungkaikan melainkan terdapat bukti penemuan arkeologi pada masa akan datang.<sup>26</sup>

### **Kisah Nuh dalam Wasiat Lama**

Kisah penuh Nuh hanya terdapat dalam bab lima hingga sembilan *Genesis*,<sup>27</sup> dan merupakan satu-satunya sumber sahih menurut tradisi Yahudi. Yang berikut ialah kisah sikap Nuh terhadap anak serta cucunya dalam *Genesis* (9): 20–27:

וַיִּחַל נֹחַ אִישׁ הָאֲדָמָה וַיִּטֵּעַ כַּרְמִים:

Dan Nuh, seorang lelaki tanah (petani), yang pertama menanam anggur.

וַיִּשְׁתֶּי מִיַּיִן וַיִּשְׁכָּר וַיִּתְגַּל בְּתוֹךְ אֶהְלֵה:

Setelah baginda meminum wain, ia mabuk dan dalam keadaan telanjang di dalam khemahnya.

וַיִּרְא תָם אָבִי כַנְעָן אֶת עֶרְוַת אָבִיו וַיִּגֵּד לְשָׁנָיִם אָחָיו בְּחוּץ:

Ham, bapa kepada Kan'an, telah melihat bapanya (Nuh) bogel, dan memberitahu kepada kedua-dua saudaranya yang berada di luar.

וַיִּקַּח שָׁם וַיִּפְּתֵ אֶת-הַשַּׁמְלָה וַיִּשְׁימוּ עַל-שָׁכָם שְׁנֵיהֶם וַיִּלְכוּ אַחֲרַיִת וַיִּכְסּוּ אֶת עֶרְוַת אָבִיהֶם וַיִּפְּנֵיהֶם אַחֲרַיִת וַעֲרַנְתָּ אָבִיהֶם לֹא רָאוּ:

Sām dan Yaphet mengambil sehelai pakaian dan dibentangkan pada kedua-dua bahu mereka. Mereka memasuki khemah secara membelakangkan diri lalu menutupi ketelanjangan bapa mereka. Wajah mereka berpaling ke belakang tanpa melihat bapa mereka telanjang.

23. 2 *Esdras* (14): 19–48.

24. Paul Soninno, "Torah, Torah, Torah: The Authorship of the Pentateuch in Ancient and Early Modern Times," dalam *The Rhetoric of Power in Late Antiquity: Religion and Politics in Byzantium, Europe, and the Early Islamic World*, disunting oleh E. DePalma, Digeser J. Stephens, dan R. M. Frakes (London: I.B. Tauris, 2010), 241–76.

25. Alexander, T. Desmond, *From Paradise to the Promised Land: An Introduction to the Pentateuch* (Grand Rapids, Michigan: Baker Academic, 2012), xvi.

26. Monika Bajić, "Authorship of the Pentateuch," *Evangelical Journal of Theology* 10, no. 2 (2016): 215–223.

27. Dalam bahasa Ibrani disebut sebagai *Bereishit*.

וַיִּקָּץ נֹחַ מִיַּיִנוֹ וַיֵּדַע אֶת אֲשֶׁר עָשָׂה לוֹ בְּנוֹ  
הַקָּטָן:

Nuh bangun daripada (kemabukan) wainnya dan tahu apa yang anak bongsunya telah lakukan terhadap dirinya.

וַיֹּאמֶר אֲרוּר כְּנָעַן עֶבֶד עֲבָדִים יִהְיֶה לְאֵת יוֹ:

Dan baginda berkata, “Terkutuklah Kan’an, dia akan menjadi hamba terendah kepada saudara-saudaranya.”

וַיֹּאמֶר בְּרוּךְ יְהוָה אֱלֹהֵי שָׁם וַיִּהְיֶה כְּנָעַן עֶבֶד לְמוֹ:

Dan baginda berkata, “Pujilah kepada Tuhan, Tuhan bagi Sam. Kan’an akan menjadi hamba Sam

יִפְתָּ אֱלֹהֵים לְיִפְתָּ וַיִּשְׁכֵּן בְּאֶרֶץ לִישָׁם וַיִּהְיֶה כְּנָעַן  
עֶבֶד לְמוֹ:

Tuhan menambahkan keluasan (tanah) Yaphet, dan ia akan menetap dalam khemah keturunan Sām. Kan’an akan menjadi hamba mereka.”

Secara ringkasnya, ayat-ayat ini mengisahkan Nuh yang merupakan manusia pertama menanam pokok anggur. Lalu, baginda meminum arak hasil tanaman anggurnya sehingga mabuk dan berbogel di dalam khemahnya. Anakanya yang bernama Ham telah melihat bapanya (Nuh) dalam keadaan berbogel, lalu memaklukkannya kepada kedua-dua orang abangnya, yakni Sām dan Yāfith. Kemudian Sām dan Yāfith menutup tubuh Nuh dengan kain tanpa melihat keadaan bapa mereka. Apabila Nuh sedar, dia tahu akan apa yang Ham telah lakukan, lalu mengutuk anak bongsu Ham agar keturunannya, yakni Kan’an, menjadi hamba kepada keturunan Sām dan Yāfith. Ketika Nuh mendoakan keluasan tanah bagi Yāfith, baginda seolah-olah berpantun dengan rima yang sama iaitu *yafit* (meluaskan) dan *le yafet* (untuk Yaphet).<sup>28</sup> Secara zahirnya, perbuatan Nuh mengutuk cucunya adalah tidak wajar kerana mereka tidak terlibat dalam hal ini. Kisah ini juga menimbulkan persoalan mengapakah Nuh seolah-olah memarahi Ham sedangkan tiada keterangan jelas dalam ayat-ayat tersebut yang menunjukkan kesalahan Ham. Oleh itu, terdapat beberapa tafsiran mengenai kesalahan Ham ini yang perlu diketahui untuk memunasabahkan kutukan Nuh tersebut.

#### “Melihat kebogelan” dengan Maksud Voyeurisme

Salah satu tafsiran menyebutkan bahawa kesalahan Ham adalah sikap voyeurisme, yakni: “amalan mengintai orang lain bertelanjang, melakukan aktiviti seks, dan sebagainya untuk memperoleh keseronokan atau kepuasan

28. Robert Alter, *The Hebrew Bible: A Translation with Commentary*, jil. 1 (New York: W.W. Norton & Company, 2019), 35.



seks.”<sup>29</sup> Antara sarjana Yahudi yang menerima tafsiran ini ialah Robert Alter. Beliau menyatakan bahawa melihat bapanya dalam keadaan bogel merupakan suatu pantang larang, maka kegagalannya untuk mengalihkan pandangan melayakkan Ham menerima kutukan.<sup>30</sup> Namun begitu, tafsiran ini tidak dapat memberikan jawapan yang kukuh akan kaitannya dengan kesalahan Ham.<sup>31</sup>

### *Nuh Mengutuk Kan'an kerana Ham Mengkasi Kemaluan Baginda*

Menurut Talmud, terdapat Rabbi yang mentafsirkan bahawa Ham telah mengasi Nuh semasa peristiwa tersebut. *Gemara* menerangkan bahawa Ham berbuat demikian kerana dia tidak mahu bapanya memiliki anak yang keempat, maka Nuh mengutuk anak Ham yang keempat iaitu Kan'an sebagai balasan setimpal.<sup>32</sup> Namun begitu, pendapat ini juga lemah kerana ketiadaan isyarat dalam ayat-ayat di atas. Oleh itu, tidak ada penguat yang mampu membuktikan tafsiran ini.<sup>33</sup>

### *Kesalahan Ham ialah Liwat*

Terdapat juga pendapat yang mentafsirkan “melihat kebogelan” (וִיִּרְאֵה עֶרְוֹת) sebagai perbuatan liwat. Tafsiran ini dibuat berdasarkan ayat *Leviticus* (20):17: “Jika seorang lelaki berkahwin dengan saudara perempuannya sama ada sebelah bapa atau ibunya, agar si lelaki dapat melihat (לְעֵינַי) kebogelannya (עֶרְוֹת) dan si perempuan pun melihat kebogelannya...”<sup>34</sup> Di sini, konotasi “melihat kebogelan” dalam ayat ini menyentuh perihal perkahwinan yakni perhubungan seks. Berdasarkan konotasi ini, maksud tersebut dijadikan sandaran bagi tafsiran ayat *Genesis* (9):22. Oleh itu, terdapat Rabbi yang berpendapat bahawa Ham telah melakukan seks luar tabii terhadap bapanya, yakni liwat.<sup>35</sup> Selain itu, mereka menguatkan hujah ini dengan beberapa kisah dalam Bible yang mengaitkan konotasi seks dengan arak, yang juga terdapat dalam kesusasteraan Timur Tengah.<sup>36</sup>

Jika tafsiran liwat ini benar, maka mengapa kutukan Nuh ditujukan kepada anak keempat Ham, sedangkan yang melakukan perbuatan tersebut

29. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1791.

30. Robert Alter, *The Hebrew Bible*, jil. 1, 34. Ayat asal: “But it is entirely possible that the mere seeing of a father’s nakedness was thought of as a terrible taboo, so that Ham’s failure to avert his eyes would itself have earned him the curse.”

31. Bergsma John Sietze, “Noah’s Nakedness and the Curse of Canaan (Gen 9: 20–27),” *Journal of Biblical Literature* 124, no. 1 (2005): 27.

32. “Talmud,” *Sanhedrin* 70a:19.

33. John Sietze, “Noah’s Nakedness,” 28.

34. *Leviticus* (20):17.

35. “Talmud,” *Sanhedrin* 70a:19.

36. H. Hirsch Cohen, “The Drunkenness of Noah,” *Judaic Studies*, no. 4 (1974): 14–16.

ialah Ham? *Gemara* menjawab golongan yang memilih tafsiran liwat ini turut berpendapat bahawa Ham telah mengasi Nuh.<sup>37</sup> Pun begitu, tafsiran-tafsiran sebegini masih gagal menjawab kemunasabahan kutukan Nuh yang ditujukan kepada anak keempat Ham.

### *Nuh Mengutuk Kan'an kerana Menyebarkan Kisah Kebogelannya*

Terdapat juga sarjana Yahudi yang mentafsirkan bahawa Nuh mengutuk Kan'an kerana Kan'an itu sendiri yang bersalah. Rabbi Ibn Ezra menyatakan Kan'an telah mendengar berita tentang Nuh yang sedang berbogel, kemudian dia melakukan sesuatu terhadap Nuh, namun tidak diketahui apa yang dilakukan.<sup>38</sup> Pun begitu, hujah ini masih tidak kukuh kerana perbuatan atau kesalahan Kan'an tidak terdapat dalam teks.

### **Rumusan Tafsir Kaum Yahudi**

Kedudukan Nuh sebagai nabi adalah kurang jelas di sisi agama Yahudi. Kebanyakan ensiklopedia mereka menggelarkan Nuh sebagai *biblical hero*<sup>39</sup> atau *patriarch*.<sup>40</sup> Hal ini demikian kerana dalam Bible tidak terdapat gelaran kehormat “nabi” yang dinisbahkan secara jelas kepada Nuh. Kebanyakan penganut agama Yahudi zaman kini bergantung kepada senarai 46 orang nabi yang dikemukakan oleh Rashi (Rabbi Sheylomoh Yishaqi, m. 1105) seperti berikut: Abraham (Ibrāhīm), Yisḥaq (Ishāq), Ya'qub (Ya'qūb), Mosheh (Mūsā), Aharon (Hārūn), Yeyhoshua, Pineyhas, 'Elqanah, 'Eliy, Sheymuel, Gad, Natan, Dawid (Dāwūd), Sheylomoh (Sulaymān), Iddow, Mikayahu ben Yimlah, Obadeyahu, Ahiyah ha Shiloni, Yehu' ben Hanani, Azaryahu ben 'Oded, Hazieyl ha Levi, Eliezer ben Dodawahu, Hoshea, Amos, Mikah ha Morashti, Amos (bapa Yeyshayahu), Eliyahu, Elisha, Yonah ben Amittai, Yeyshayahu, Yermeyahu, Yoel, Nahum, Habaqquq, Sepanyah, Uriyahu ben Shemayahu, Ezekiel, Shemayahu, Baruk, Neriyaḥ (bapa Baruk), Seyrayahu (saudara Baruk), Mahseyahu (datuk Baruk), Haggai, Zeykaryah, Mal'aki, Mardekai.<sup>41</sup> Berdasarkan senarai ini, tidak terdapat nama Nuh dalam senarai tersebut. Namun demikian, terdapat seorang Rabbi,

---

37. “Talmud,” *Sanhedrin* 70a:20.

38. Abraham ben Meir ibn Ezra, *Ibn Ezra's Commentary on the Pentateuch*, terj. H. Norman Strickman dan Arthur M. Silver (New York: Menorah Publishing Company, 1998), 128.

39. J.A. Sanders, “Noah,” dalam *The Encyclopedia Americana International Edition* (New York: Grolier Incorporated, 2001), 392.

40. Morris A. Gutstein, “Noah,” dalam *Collier's Encyclopedia*, disunting oleh Louis Shores (New York: P.P. Collier & Son Ltd., 1967), 569.

41. Wilda C. M. Gafney, “She Declared to Them, ‘So Says Yhwh, the God of Israel’: An Examination of Female Prophets in Ancient Israel,” PhD dissertation (Duke University, 2006), 33.

Joseph Albo, yang menggelar Nuh sebagai seorang nabi. Dalam kitabnya *Sefer ha-Ikkarim*, beliau nyatakan: “Tuhan mengarahkan undang-undang suci melalui nabi seperti Adam atau Nuh...”<sup>42</sup>

Rabbi David Kimhi, yang merupakan sarjana Yahudi, berkata: “Dan Tuhan melihat bahawa benih Kanan itu akan menjadi kaum yang jahat. Inilah sebab Dia memasukkan ke dalam mulut Nuh untuk mengutuknya.”<sup>43</sup> Beliau menerangkan bahawa kutukan itu merupakan kesinambungan wahyu Tuhan kepada Nuh, bukan kerana nafsu amarahnya. Ini bertepatan dengan kelebihan para nabi yang paling signifikan menurut konsep kenabian agama Yahudi, iaitu mereka mampu mengetahui atau meramal masa depan.<sup>44</sup> Contohnya, Nabi Eliyahu pernah menerima wahyu berkenaan ketibaan musim kemarau (*1 Kings* (17):1) dan kematian Raja Ahaziah (*2 Kings* (1):4). Manakala, Nabi Elisha pula pernah menerima wahyu bahawa kebuluran akan melanda selama tujuh tahun (*2 Kings* (8):1) dan pelbagai lagi. Oleh itu, berdasarkan penerangan di atas, kutukan Nuh ini boleh dianggap sebagai sebuah ramalan masa hadapan, lebih-lebih lagi dengan pendapat beberapa orang Rabbi yang menunjukkan bahawa baginda merupakan seorang nabi dalam agama Yahudi, meskipun sikap baginda terhadap anaknya tidak melambangkan keperibadian seorang nabi.

### **Kisah Nuh dalam al-Qur’ān**

Kisah sikap Nabi Nuh terhadap anaknya dalam al-Qur’ān pula terdapat dalam *Sūrat Hūd* (11):42–47:

Dan bahtera itu berlayar membawa mereka di dalam ombak laksana gunung. Dan Nuh memanggil anaknya, sedangkan anak itu berada di tempat yang jauh terpencil, “Hai anakku, naiklah (ke kapal) bersama kami dan janganlah kamu berada bersama orang-orang kafir.”

Anaknya menjawab, “Aku akan mencari perlindungan di gunung yang dapat memeliharaaku dari banjir.” Nuh berkata, “Tiada yang dapat memberi perlindungan pada hari ini daripada azab Allah selain Allah Yang Maha Penyayang (saja).” Dan ombak menjadi penghalang antara kedua-duanya, maka jadilah anak itu termasuk orang yang ditenggelamkan.

42. *Maamar* (1):7. Lihat: Joseph Albo, *Sefer Ha-Ikkarim* (Pennsylvania: Jewish Publication Society of America, 1929), 47. Ayat asal: “והאלהית היא מה שתסודר מהשם על יד נביא כמו אדם או נח.”

43. “Radak,” *Genesis* (9):20. Ayat asal: “כנען עתיד להיות רע, ונתן בפי נח לקללו כי נביא היה.” ונתקיימו קללתו וראה האל כי זרע.”

44. “Prophets and Prophecy,” dalam *Encyclopaedia Judaica*, jil. 16, 571.

Dan difirmankan, “Wahai bumi telanlah airmu, dan wahai langit (hujan) berhentilah,” dan air pun disurutkan, perintah pun diselesaikan dan bahtera itu pun berlabuh di atas bukit Judi, dan dikatakan, “Binasalah orang yang zalim.”

Dan Nuh berseru kepada Tuhannya sambil berkata, “Ya Tuhanku, sesungguhnya anakku termasuk keluargaku, dan sesungguhnya janji Engkau itulah yang benar. Dan Engkau ialah Hakim yang adil-adilnya.”

Allah berfirman, “Wahai Nuh, sesungguhnya dia bukanlah termasuk keluargamu (yang dijanjikan akan diselamatkan), sesungguhnya (perbuatannya adalah) perbuatan yang tidak baik. Oleh itu, janganlah kamu memohon kepada-Ku sesuatu yang kamu tidak mengetahui. Sesungguhnya Aku memperingatkan kepadamu agar jangan termasuk dalam kalangan orang yang tidak berpengetahuan.”

Nuh berkata, “Ya Tuhanku, sesungguhnya aku berlingung kepada-Mu daripada memohon sesuatu yang aku tidak mengetahui (hakikatnya). Dan jikalau Engkau tidak mengampuni aku serta (tidak) menaruh belas kasihan kepadaku, nescaya aku termasuk dalam golongan yang merugi.”

Berkenaan nama anak Nabi Nuh yang derhaka tersebut, terdapat dua pendapat—iaitu sama ada Kan‘ān atau Yām.<sup>45</sup> Penulis mendapati ahli tafsir pertama yang menyebut nama Kan‘ān ialah Muqātil bin Sulaymān.<sup>46</sup> Ibn Jarīr al-Ṭabarī pula berpendapat bahawa nama anak baginda ialah Yām.<sup>47</sup> Beliau juga membawa riwayat daripada Ibn ‘Abbās yang menyatakan bahawa Nuh mempunyai empat orang anak—Sām, Ḥām, Yāfith, dan Kan‘ān. Orang Arab menamakan Kan‘ān sebagai Yām dan dialah yang dikenalpasti sebagai anak yang lemas.<sup>48</sup> Ini bermakna Yām dan Kan‘ān merupakan orang yang sama. Telah dikatakan bahawa anak yang lemas tersebut ialah anak keempat Nuh,<sup>49</sup> iaitu anak hasil hubungan dengan isteri kedua, iaitu Wālihah, yang juga derhaka dan turut lemas menurut *Sūrat al-Tahrīm* (66):10.<sup>50</sup> Semua ini tidak disokong oleh

45. Al-Zamakhsharī, *al-Kashshāf ‘an Haqā’iq Ghawāmiḍ al-Tanzīl*, jil. 2 (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1986), 396.

46. Muqātil bin Sulaymān, *Tafsīr Muqātil bin Sulaymān*, jil. 2 (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth, 2010), 281.

47. Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Tā’wīl Āy al-Qur‘ān*, jil. 12 (Giza, Mesir: Dār Hājar, 2001), 416.

48. Al-Ṭabarī, *Tārīkh al-Rusul wa al-Muluk*, jil. 1, 191.

49. Ismā‘īl bin ‘Umar ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur‘ān al-‘Azīm*, jil. 4 (Riyadh, Arab Saudi: Dār Ṭaybah, 1999), 323.

50. Muḥammad Ṭāhir ibn ‘Āshūr, *al-Tahrīr wa al-Tanwīr*, jil. 12 (Tunis, Tunisia: al-Dār al-Tūnisīyah, 1984), 75.

dalil khusus ḥadīth Rasulullah. Bahkan, nama anak dan isteri yang derhaka dan tenggelam itu juga tidak pernah disebut. Tambahan lagi, al-Qur'ān juga tidak pernah menyebut sama ada Wālihah lemas atau tidak, dan sama ada ia merupakan isteri pertama atau kedua. Riwayat Ibn 'Abbās menyatakan bahawa semua anak Nuh, termasuk yang tenggelam, merupakan adik-beradik seibu.<sup>51</sup>

Sebagaimana yang telah dibahaskan sebelum ini, tidak terdapat sebarang ḥadīth marfū' yang sahih berkenaan nama anak-anak Nabi Nuh, termasuklah anak yang derhaka tersebut. Kebanyakan sarjana Islam berpendapat bahawa Kan'an merupakan anak Nabi Nuh, berbeza dengan kebanyakan sarjana Yahudi yang berpendapat bahawa dia merupakan cucu Nuh. Catatan berkenaan anak Nuh yang bernama Yām juga tidak terdapat dalam mana-mana kitab Yahudi. Pada pendapat penulis, Yām merupakan pengaruh bahasa Ibrani; *yam* (יָם) dalam bahasa Ibrani membawa maksud laut,<sup>52</sup> dan kemungkinan besar penisbahan ini berlaku bersempena peristiwa sosok tersebut mati ditenggelami laut.

Terdapat juga riwayat daripada 'Alī dan 'Urwah bin al-Zubayr yang membaca secara *fathah* (iaitu, "*ibnahu*") dengan maksud "*ibnahā*." Dengan kata lain, anak Nabi Nuh yang mati kelemasan itu ialah seorang perempuan. Abū Ḥatīm mengatakan bahawa harus bagi huruf *alif* ditiadakan daripada kalimah "*ibnahā*," sebagaimana harus bagi huruf waw pada *damir* "*huwa*" pada kalimah "*ibnahu*" ditiadakan. Namun, al-Naḥḥās membantah pendapat ini dan mengatakan bahawa, menurut Sibawayh, perkara ini tidak harus. Ini kerana sebutan huruf *alif* itu ringan, manakala huruf *waw* boleh ditiadakan kerana sebutannya berat. Oleh itu, al-Qurṭubī menyatakan bacaan tersebut sebagai bacaan yang ganjil (*qirā'ah shādhḥah*).<sup>53</sup> Al-Ṭabarī pula menyebutkan bahawa terdapat ahli-ahli tafsir yang mengatakan bahawa anak yang derhaka itu bukanlah anak kandung Nabi Nuh, tetapi ada juga yang berpendapat sebaliknya.<sup>54</sup>

Walaupun al-Qur'ān merakamkan ucapan-ucapan Nabi Nuh dengan singkat, semua ucapan itu mengandungi unsur-unsur *rahmah* dan *shafaqah* terhadap anaknya. Sebagai contoh, lafaz *bunayya* (yang bermaksud "anak lelaki kesayangan") merupakan apa yang dikenali sebagai bentuk *tasghīr* bagi kata nama *ibn* (yang sekadar bermaksud "anak lelaki"). Contohnya, bentuk *tasghīr* bagi lafaz *kitāb* ialah *kutayb*, yang membawa maksud "kitab kecil." Seruan Nabi Nuh memanggil anaknya dengan kalimah *bunayya* menunjukkan sifat kelembutan dan kasih sayang seorang bapa kepada anaknya,<sup>55</sup> sebagaimana seseorang itu

51. Al-Ṭabarī, *Tārīkh al-Rusul wa al-Muluk*, jil. 1, 191.

52. David J.A. Clines, *The Dictionary of Classical Hebrew*, jil. 4 (Sheffield: Sheffield Academic Press, 1998), 223.

53. Muhammad bin Ahmad al-Qurṭubī, *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān* (Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964), jil. 9, 38.

54. Al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān*, jil. 12, 416.

55. Ibn 'Ashūr, *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*, jil. 12, 76.

memanggil seorang anak kecil dengan penuh kelembutan. Ketika mengajak anaknya, Nabi Nuh menasihatinya dengan frasa tidak “bersama orang kafir” (*ma’u al-kāfirīn*), dan bukan “(tergolong) daripada orang kafir” (*min al-kāfirīn*). Ini juga melambangkan kelembutan.<sup>56</sup> Jika Nabi Nuh menyebut ucapan kedua itu, pasti anaknya akan berkecil hati kerana baginda menggolongkan anaknya sebagai kafir. Gaya bahasa kasar sebegini tidak sesuai digunakan untuk menasihati atau berdakwah kepada seseorang yang nyawanya sedang berada dalam keadaan di hujung tanduk. Ibn ‘Urfah juga menyatakan bahawa Nabi Nuh tidak menyebut lafaz “bersama orang yang tenggelam” (*ma’u al-mughriqīn*), sebaliknya menggunakan lafaz *al-kāfirīn* sebagai isyarat bahawa *ḥifẓ al-dīn* (pemeliharaan agama) adalah lebih utama berbanding *ḥifẓ al-nufūs* (pemeliharaan nyawa).<sup>57</sup> Ini menunjukkan bahawa Nabi Nuh hendak menyampaikan kepada anaknya secara halus agar dia menyelamatkan agamanya. Dalam bahasa Inggeris, ini dikenali sebagai eufemisme.

Nabi Nuh berdoa kepada Allah agar menyelamatkan anaknya, tetapi baginda ditegur oleh Allah agar tidak berbuat demikian. Akibat keterlanjurannya, baginda memohon perlindungan kepada Allah daripada melakukan lagi perbuatan tersebut dan meminta ampun kepada-Nya. Dalam permohonan ampunnya, Nabi Nuh berdoa dengan cara berikut: “...dan jikalau Engkau tidak mengampuni aku serta (tidak) menaruh belas kasihan kepadaku, nescaya aku termasuk dalam golongan yang merugi.”<sup>58</sup> Ini bukanlah gaya bahasa meminta (*talab*), sebaliknya berbentuk kenyataan (*ikhbār*).<sup>59</sup> Menurut al-Māturidī, penggunaan gaya bahasa *kināyah* sebegini ketika memohon ampun ialah cara yang lebih sempurna dan mulia berbanding sekadar ucapan “Ya Allah ampunilah aku” (*allāhumma ighfir lī*).<sup>60</sup> Semua contoh gaya bahasa ini menunjukkan betapa halusnya peribadi dan bahasa Nabi Nuh, baik terhadap anaknya mahupun Tuhan.

## Rumusan Tafsiran Sarjana Islam

Al-Qur’ān jelas mengiktiraf Nuh sebagai seorang Nabi.<sup>61</sup> Bahkan, dalam sebuah ḥadīth yang memerihalkan hari kebangkitan, baginda dikenali sebagai Rasul pertama. Ketika itu, orang ramai meminta syafaat daripada Nabi Adam, namun

56. ‘Abd al-Karīm al-Qushayrī, *Laṭā’if al-Ishārāt*, jil. 2 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2007), 45.

57. Muḥammad bin Muḥammad ibn ‘Urfah, *Tafsīr Ibn ‘Urfah*, jil. 2 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2008), 357.

58. *Hūd* (11):47.

59. Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm ibn Taymiyyah, *al-Fatāwā al-Kubrā li Ibn Taymiyyah*, jil. 5 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1987), 223.

60. Abū Maṣṣūr al-Māturidī, *Ta’wīlāt Ahl al-Sunnah*, jil. 6 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2005), 138.

61. *Sūrat al-Aḥzāb* (33):7.

baginda menjawab, “Pergilah kalian kepada Nuh, kerana sesungguhnya dia merupakan rasul pertama yang diutuskan oleh Allah kepada penduduk bumi.”<sup>62</sup> Berdasarkan huraian-huraian di atas, jelaslah bahawa Nabi Nuh memiliki sifat yang lemah lembut ketika berbicara dengan anaknya, meskipun dia derhaka terhadap Tuhan. Bahkan, baginda berdoa pula agar anaknya yang derhaka itu selamat, walaupun perbuatannya ditegur oleh Allah selepas itu. Sifat kelembutan ini bukanlah sesuatu yang asing bagi sosok-sosok yang diangkat sebagai nabi.

### *Analisis Perbandingan*

Berikut ialah perbandingan sikap Nuh secara umum:

Jadual 1 Perbandingan sikap Nuh antara al-Quran dengan Wasiat Lama

<b>Al-Qur’ān</b>	<b>Wasiat Lama</b>
Nuh merasa kasihan terhadap anaknya yang berdosa. ( <i>Hūd</i> (11):45)	Nuh tidak berasa kasihan terhadap anak atau cucunya yang didakwa bersalah, meskipun kesalahan mereka tidak terbukti. ( <i>Genesis</i> (9): 24)
Nuh berdoa agar anaknya yang derhaka itu diselamatkan. ( <i>Hūd</i> (11):45)	Nuh berdoa agar keturunan Ham terkutuk. ( <i>Genesis</i> (9): 25)
Doa Nuh tiada kaitan dengan wahyu, sebaliknya terbit daripada kasih sayang seorang bapa dan kelembutan seorang Nabi.	Doa kutukan Nuh merupakan kesinambungan daripada makluman wahyu.
Nuh meminta ampun kepada Allah kerana mendoakan sesuatu yang tidak diperkenankan oleh Allah dan mengakui kesilapannya. ( <i>Hūd</i> (11):47)	Punca masalah ialah kemabukan Nuh sendiri. Bahkan, baginda diwahyukan agar mengungkapkan sebuah doa yang berisi kutukan. ( <i>Genesis</i> (9): 21)
Nuh sebagai seorang yang pandai berbahasa sopan dan cermat. ( <i>Hūd</i> (11): 42)	Nuh sebagai seorang yang pandai berbahasa, tetapi tidak bersopan dan cermat. ( <i>Genesis</i> (9): 27)
Kedua-dua agama menganggapnya sebagai seorang Nabi.	
Kedua-dua agama menggambarkan keprihatinan Nuh terhadap anak-anaknya.	

62. Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, jil. 6 (Beirut: Dār Tawq al-Najāh 2001), 17. Ayat asal: “*رَبُّنَا نُوحًا، فَإِنَّهُ أَوْعَاذُ رَسُولِنَا بِأَمْرِهِ لَلَّهِ إِلَهُ أَهْلِ الْأَرْضِ.*”

## Kesimpulan

Secara umumnya, dalam Wasiat Lama Nuh digambarkan sebagai seorang lelaki yang bertanggungjawab terhadap keluarganya serta mengasihi anak cucunya. Beliau pandai berbahasa ketika memuji anaknya seperti *yafit le yafet*. Namun demikian, disebabkan oleh kekurangan bukti tekstual, Nuh juga digambarkan sebagai orang yang tidak adil kerana menuduh cucunya serta mengutuknya atas sebab kesalahannya sendiri. Pun begitu, para sarjana Yahudi mengatakan bahawa perbuatan tersebut merupakan kesinambungan daripada wahyu Tuhan. Tanpa wahyu, peristiwa tersebut hanya menggambarkan sikap buruk Nuh.

Apabila diteliti, dapat diperhatikan bahawa tokoh-tokoh yang keturunannya menjadi musuh kaum Yahudi akan digambarkan sebagai memiliki akhlak yang buruk terhadap anak-anak mereka dalam Wasiat Lama. Contohnya, menerusi kisah Nabi Lut yang kononnya berzina dengan anaknya, sehingga terhasil keturunannya, iaitu Moab dan Ammon, yang merupakan antara musuh utama Yahudi.<sup>63</sup> Selain Moab dan Ammon, bangsa keturunan Kan'an juga merupakan musuh utama kaum Yahudi.<sup>64</sup> Oleh sebab itu, gambaran buruk telah dicipta berhubung watak Ham (yakni bapa Kan'an), manakala Nabi Nuh pula dijadikan kambing hitam dalam kisah ini. Sebaliknya, umat Islam tidak beriman dengan kisah-kisah yang seolah-olah berbentuk penghinaan terhadap para nabi. Hal ini kerana terdapat perbezaan pandangan antara agama Yahudi dengan Islam dari segi kedudukan dan keperibadian para Nabi. Dalam riwayat Islam, Nabi Nuh digambarkan sebagai seorang ayah yang pengasih. Baginda mencermati lenggok bahasanya terhadap anak, sekalipun derhaka, dan juga Tuhannya. Baginda juga memohon ampun kepada Allah atas kesalahannya sendiri. Sikap baginda terhadap anaknya itu selari dengan ajaran Islam sebagaimana sabdaan Nabi Muḥammad *sallaLlāhu 'alayhi wa sallam*: “Bukanlah daripada (golongan) kami bagi sesiapa yang tidak mengasihi anak-anak kecil kita dan tidak memuliakan orang tua kita.”<sup>65</sup>

Penggunaan bahasa yang halus dan bersopan bukan sahaja menggambarkan keperibadian seseorang, malahan mampu mempengaruhi para pendengarnya. Sikap seorang bapa sebagai ketua keluarga memerlukan kemahiran berbahasa dan pengetahuan asas hukum-hakam sebelum bertindak terhadap anaknya. Para Nabi merupakan sebaik-baik manusia utusan Allah di bumi. Melalui merekalah manusia mengambil contoh teladan. Kedua-dua agama Islam dan Yahudi menggambarkan sikap Nuh sebagai seorang bapa yang prihatin terhadap anak cucunya, dan inilah sikap yang perlu diterapkan oleh setiap manusia tanpa mengira latar belakang agama atau bangsa.

---

63. Robert A.J. Gagnon, “The Bible and Homosexual Practice: Texts and Hermeneutics,” *Pro Ecclesia* 11, no. 3 (2002): 377–379.

64. Ibid.

65. Muḥammad bin 'Īsā al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, jil. 4 (Kaherah: Shirkat Maktabat wa Maṭba'at Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1975), hlm. 322, no. 1920.



## Rujukan

- Ahmad bin Hanbal. *Musnad Ahmad*. 45 jil. Beirut: Mu'assasat al-Risālah, 2001.
- Albo, Joseph. *Sefer Ha-ikkarim (Book of Principles)*. Pennsylvania: Jewish Publication Society of America, 1929.
- Alexander, T. Desmond. *From Paradise to the Promised Land: An Introduction to the Pentateuch*. Grand Rapids, Michigan: Baker Academic, 2012.
- Alter, Robert. *The Hebrew Bible: A Translation With Commentary*. 3 jil. New York: W.W. Norton & Company, 2019.
- Bajić, Monika. "Authorship of the Pentateuch." *Evangelical Journal of Theology* 10, no. 2 (2016): 215–223.
- Al-Barzanjī, Muḥammad bin Ṭāhīr. *Ṣaḥīḥ wa Da'if Ṭārīkh al-Ṭabarī*. 13 jil. Beirut: Dār Ibn Kathīr, 2007.
- Benner, Jeff A. *Learn to Read Biblical Hebrew*. College Station: Virtualbookworm.com Publishing Inc, 2007.
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. 9 jil. Beirut: Dār Tawq al-Najāh, 2001.
- Carpenter, E. "Pentateuch." Dalam *The International Standard Bible Encyclopaedia*, disunting oleh Geoffrey W. Bromiley. Grand Rapids, Michigan: W.B. Eerdmans, 1986.
- Chabin, Michele. "Nonprofit Offers Talmud in English Online for Free." *The Christian Century*, diakses pada 7 Januari 2017. <https://www.christiancentury.org/article/nonprofit-offers-talmud-english-online-free>.
- Clines, David J.A. (peny.). *The Dictionary of Classical Hebrew*. 8 jil. Sheffield: Sheffield Academic Press, 1998.
- Cohen, H. Hirsch. "The drunkenness of Noah." *Judaic Studies* no. 4 (1974): 14–16.
- Al-Dawsarī, 'Ayid. "Taḡdīm Lūt Ibnatayh li Qawmihi fi al-Tawrāh wa al-Qur'ān: Dirāsah Muqāranah." *Journal of Qur'anic Studies* 19, no. 1 (2017): 210–160.
- Gagnon, Robert A.J. "The Bible and homosexual practice: Texts and hermeneutics." *Pro Ecclesia* 11, no. 3 (2002): 377–379.
- Gafney, Wilda C. M. "She declared to them, 'So says Yhwh, the God of Israel': An examination of female prophets in ancient Israel." PhD Diss. Durham, North Carolina: Duke University, 2006.
- Gutstein, Morris A. "Noah." Dalam *Collier's Encyclopedia*, disunting oleh Louis Shores (Ketua Editor). New York: P.P. Collier & Son Ltd, 1967.
- Ibn 'Ashūr, Muḥammad Ṭāhīr. *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. 30 jil. Tunisia: al-Dār al-Tūnīsiyyah, 1984.
- Ibn Ezra, Abraham ben Meir. *Ibn Ezra's Commentary On The Pentateuch*. Terjemahan oleh H. Norman Strickman dan Arthur M. Silver. New York: Menorah Publishing Company, 1998.
- Ibn Kathīr, Ismā'īl bin 'Umar. *Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm*. 8 jil. Riyadh, Arab Saudi: Dār Ṭaybah, 1999.

- Ibn ‘Urfah, Muḥammad bin Muḥammad. *Tafsīr Ibn ‘Urfah*. 4 jil. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2008.
- Ibn Taymiyyah, Aḥmad bin ‘Abd al-Halīm. *al-Fatāwā al-Kubrā li Ibn Taymiyyah*. 6 jil. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1987.
- Al-Iṣfahānī, al-Rāghib. *al-Mufradāt fi Gharīb al-Qur’ān*. Beirut: Dār al-Qalam, 1991.
- Jeffery, Arthur. “The Foreign Vocabulary of The Qur’an.” Dalam *Texts and Studies on The Qur’an*, disunting oleh Gerhard Böwering dan Jane Dammen McAuliffe. Leiden: Brill, 2007.
- Kaltner, J. dan Y. Mirza *The Bible and the Qur’an Biblical Figures in the Islamic Tradition*. Bloomsbury: New York, 2018.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Al-Māturidī, Abū Mansūr Muḥammad. *Ta’wīlāt Ahl al-Sunnah*. 10 jil. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2005.
- Muqātil bin Sulaymān. *Tafsīr Muqātil bin Sulaymān*. 5 jil. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth, 2010.
- Al-Qurṭubī, Muḥammad bin Aḥmad. *al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qur’ān*. 20 jil. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964.
- Al-Qushayrī, ‘Abd al-Karīm. *Laṭā’if al-Ishārāt*. 3 jil. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2007.
- Sanders, J.A. “Noah.” Dalam *The Encyclopedia Americana International Edition*. Amerika: Grolier Incorporated, 2001.
- Sietze, Bergsma John. “Noah’s Nakedness and the Curse of Canaan (Gen 9: 20–27).” *Journal of Biblical Literature* 124, no. 1 (2005): 25–40.
- Skolnik, Fred (Ketua Editor). *Encyclopaedia Judaica*, Edisi ke-2. 22 jilid. Jerusalem: Keter Publishing House Ltd, 2007.
- Soninno, Paul. “Torah, Torah, Torah: The Authorship of the Pentateuch in ancient and early modern times.” Dalam *The Rhetoric of Power in Late Antiquity: Religion and Politics in Byzantium, Europe and the Early Islamic World*, disunting oleh E. DePalma, Digeser J. Stephens, dan R.M. Frakes. London: I.B. Tauris, 2010.
- Al-Ṭabarī, Muḥammad bin Jarīr. *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl Āy al-Qur’ān*. 26 jil. Giza, Mesir: Dār Hājar, 2001.
- \_\_\_\_\_. *Tārīkh al-Rusul wa al-Muluk*. 11 jil. Beirut: Dār al-Turāth, 1967.
- Al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Isā. *Sunan al-Tirmidhī*, ditahkik oleh Shakir et. al. 5 jil. Kaherah: Shirkat Maktabat wa Maṭba‘at Muṣṭafā al-Bābi al-Halabī, 1975.
- Tottoli, R. *Biblical Prophets in the Qur’an and Muslim Literature*. New York: Routledge, 2002.
- Wheeler, Brannon M. *Prophets in the Quran: An Introduction to the Qur’ān and Muslim Exegesis*. London, New York: Continuum, 2002.
- Al-Zamakhsharī, Mahmūd bin ‘Amr. *al-Kashshāf ‘an Haqā’iq Ghawāmiḍ al-Tanzīl*. 4 jil. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1986.